

Publication: Berita Harian, pg 06

Date: 02 February 2019

Headline: Google opens up data analytics programme to SMU undergrads

**TAWAR PROGRAM:**  
Presiden Universiti  
Pengurusan  
Singapura (SMU),  
Profesor Lily Kong  
(kiri), dan  
Pangarah Google  
Singapura,  
Cik Stephanie Davis  
(tengah),  
menandatangani satu  
perjanjian kelmarin  
untuk menawarkan  
Program Data dan  
Analisis SMU-Google  
Squared kepada  
mahasiswa SMU.  
Di kiri ialah Ketua  
Eksekutif IMDA,  
Encik Tan Kiat How. -  
Foto SMU



## Google luaskan program data analisis kepada mahasiswa SMU

MAHASISWA Pengurusan Universiti Singapura (SMU) yang berminat menceburi sektor data dan analisis kini mempunyai lebih banyak peluang dan sokongan untuk berbuat demikian.

Universiti itu kelmarin menandatangani perjanjian dengan Google Singapore untuk menawarkan Program Data dan Analisis SMU-Google Squared. Kerjasama itu menandakan kali pertama Google memperluaskan programnya, yang dilancarkan pada 2014, untuk mahasiswa sebuah universiti setempat.

Sebelum ini, program itu dijalankan sebagai satu kerjasama antara Google dan Penguasa Pembangunan Infokom Media (IMDA) di bawah inisiatif TechSkills Accelerator, dan telah dibuka kepada lulusan universiti baru di Singapura.

Program itu kini hanya akan disediakan untuk mahasiswa SMU.

Di bawah program kerja sambil belajar itu, pelajar akan menjalani latihan selama enam bulan di syarikat rakan Google dan mendapat kredit untuk pengajian mereka.

Mereka akan kembali ke kampus sehingga sehari dalam seminggu untuk menyertai sehingga dua kursus tambahan semasa penggal pengajian mereka.

Pangarah Google Singapore, Cik Stephanie

Davis, berkata syarikat itu sedang berusaha untuk meningkatkan program tersebut memandangkan trend meningkat dalam ekonomi digital dan peningkatan permintaan daripada majikan untuk pelatoh Data Squared.

"Maklum balasnya positif sejak empat tahun pertama program ini, yang semakin lama menjadi semakin kukuh.

"Kami juga mendapat tahu tentang kerjaya baik yang menanti graduan serta permintaan lebih tinggi daripada majikan di pasaran," kata Cik Davis.

Kumpulan pertama seramai 25 pelajar sedang dalam proses menyelesaikan kursus prasyarat kursus analisis digital 12 minggu, termasuk sesi dengan pakar industri dari Google dan rakan-rakannya.

Pelajar akan memulakan program latihan mereka dengan syarikat seperti Dentsu Aegis Network, Grab dan Expedia pada Mei.

Kumpulan kedua merangkumi seramai 50 pelajar pula dijangka memulakan program itu tahun ini.

Ini dijangka meningkatkan dengan ketara bilangan graduan program itu, yang menghasilkan seramai 90 graduan dalam empat tahun pertama program tersebut.